Dato' Profesor Hj Mahamad Naser Disa lwn YB Khalid bin Abdul Samad

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO W-02(W)-1421–07 TAHUN 2019
NOR BEE ARIFFIN, VAZEER ALAM DAN MARIANA YAHYA HHMR
31 DISEMBER 2022

Tort — Fitnah — Tohmahan lisan — Perayu semasa menjadi panel kepada forum yang dihadiri orang awam dikatakan mengucapkan perkataan-perkataan yang diadukan — Sama ada perkataan-perkataan diadukan bersifat atau berunsur defamatori — Sama ada perayu telah menyebabkan penerbitan perkataan-perkataan di laman sesawang — Akta Fitnah 1957 s 5

Ini adalah rayuan oleh perayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang telah membenarkan tuntutan ganti rugi responden secara global sebanyak RM80,000 dengan kos sebanyak RM20,000. Responden merupakan Ahli Parlimen Shah Alam manakala perayu pula merupakan Pengarah Institut Kajian Strategik Islam Malaysia. Perayu, semasa menjadi panel kepada sebuah forum yang dihadiri oleh orang awam, dikatakan mengucapkan perkataan-perkataan yang diadukan, iaitu, '... Akta 355 perlu dipinda. Salah satu punca kenapa Akta 355 tidak boleh dipinda kerana orang Shah Alam hantar Ahli Parlimen yang menentang Akta 355. Saya serah pada tuan-tuan samada nak sokong ataupun tak sokong Akta 355. Kalau tuan-tuan tak setuju dengan Akta 355, bolehlah hantar Ahli Parlimen yang sama' ('perkataan-perkataan tersebut'). Responden telah mengambil tindakan terhadap perayu berasaskan kausa tindakan tohmahan lisan. Responden memplidkan bahawa perkataan-perkataan tersebut telah diterbitkan kepada orang awam yang hadir di seminar tersebut dan dirakamkan secara audio visual yang kemudiannya telah disunting dan dimuat naik di laman media sosial 'Ismaweb'. Responden mendakwa bahawa perkataan-perkataan yang diterbitkan merupakan tuduhan melulu yang berniat jahat lagi serius terhadap responden yang menyebabkan tohmahan, kebencian dan ketegangan oleh orang Islam terhadap responden. Responden selanjutnya memplidkan bahawa perkataan-perkataan tersebut yang bersifat *slander* adalah bersifat tohmahan perlakuan jenayah 'actionable per se' terhadap responden selaku Ahli Parlimen Shah Alam yang mengecualikan pembuktian kerosakan dan kerugian yang khusus terhadap responden. Responden bergantung sepenuhnya pada s 5 Akta Fitnah 1957 ('Akta') untuk membuktikan kausa tindakan *slander* terhadap penerbitan perkataan-perkataan tersebut oleh perayu terhadap responden. Di akhir perbicaraan kes, pesuruhjaya kehakiman ('PK') telah membuat dapatan bahawa responden telah berjaya membuktikan ketiga-tiga elemen bagi tuntutan di bawah tindakan fitnah. Oleh itu, rayuan ini.

Diputuskan, membenarkan rayuan dengan kos:

(1) Kausa tindakan untuk tohmahan lisan telah diplidkan dengan secukupnya dan ia merupakan suatu 'actionable per se' tanpa perlu pembuktian ganti rugi khas. Kedudukan ini adalah selaras dengan peruntukan s 5 Akta. Seorang pembaca yang munasabah tidak akan mentakrifkan perkataan-perkataan yang diadukan sebagai rujukan kepada responden menentang pembentangan RUU 355 melainkan setelah mendengar keseluruhan pembentangan dan/atau pengucapan perayu pada forum tersebut. Antidot kepada perkataan menentang yang digunapakai oleh perayu sebelum mengungkapkan kata-kata yang diadukan ialah kata-kata 'Denda RM5000 buat masa ini. Sebab Akta 355 belum dipinda. Kita tunggulah bila Akta 355 boleh dipinda'. Seorang pembaca munasabah akan memahami bahawa pembentangan dan perbahasan usul tersebut belum berlangsung. Tiada suatu keterangan pun berjaya ditunjukkan oleh pihak responden bahawa perkataan-perkataan yang diadukan mempunyai konotasi atau membawa makna bahawa responden telah hilang integriti dan/atau berlaku korup dan/atau berlaku tidak jujur dan/atau melakukan salah laku dalam perjawatannya sebagai Ahli Parlimen Shah Alam. Elemen asas bagi pembuktian di bawah s 5 Akta sebagaimana yang diplidkan gagal dibuktikan oleh responden. Perkataan-perkataan yang diadukan hanyalah berupa suatu pendapat perayu berhubung dengan pendirian politik responden terhadap Akta 355. PK telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal memberi pertimbangan wajar ke atas kausa tindakan sebenar responden iaitu *slander* dan juga bergantung sepenuhnya kepada s 5 Akta. PK gagal mengarah mindanya berkenaan ujian undang-undang yang harus dipakai bagi pembuktian s 5 Akta. Malah PK tidak langsung menyentuh mana-mana pembuktian inti pati di bawah s 5 Akta di dalam penghakimannya (lihat perenggan 29, 39, 43, 45–46 & 48–50).

(2) Tiada apa-apa keterangan menyokong di pihak responden sama ada plidingnya mahupun saksi-saksi responden, berupaya mengetengahkan sebarang tindakan perayu untuk 'supply', 'authorise', 'entice', 'encourage' atau 'incite' kepada pihak 'Ismaweb' untuk menerbitkan kata-kata yang diadukan di dalam bentuk kekal. Tambahan lagi, saiz penerbitan adalah terhad kepada individu-individu yang hadir di forum tersebut sahaja dan tidak melibatkan kepada penonton dan/atau pendengar media sosial di laman 'Ismaweb'. Menerima pakai prinsip undang-undang berkaitan 'penerbitan', hujahan responden bahawa perayu tetap dipertanggungjawabkan atas perkara diluar kawalannya tidak dapat dipertahankan (lihat perenggan 60 & 62).

[English summary

This was an appeal by the appellant against the decision of the High Court in allowing the respondent's global compensation claim of RM80,000 with costs of RM20,000. The respondent was a Member of Parliament for Shah Alam while the appellant was the Director of the Malaysian Islamic Strategic Studies Institute. The appellant, while being a panellist at a forum attended by members of the public, was said to have uttered the words complained of, namely, '... Akta 355 perlu dipinda. Salah satu punca kenapa Akta 355 tidak boleh dipinda kerana orang Shah Alam hantar Ahli Parlimen yang menentang Akta 355. Saya serah pada tuan-tuan samada nak sokong ataupun tak sokong Akta 355. Kalau tuan-tuan tak setuju dengan Akta 355, bolehlah hantar Ahli Parlimen yang sama' ('the words'). The respondent had taken action against the appellant based on the cause of action of slander. The respondent pleaded that the words were published to the public who attended the seminar and were audio-visually recorded which were later edited and uploaded on the social media site 'Ismaweb'. The respondent claimed that the words published were malicious and serious reckless accusations against the respondent which caused accusations, hatred and tension by Muslims against the respondent. The respondent further pleaded that the slanderous words were an accusation of criminal conduct actionable per se against the respondent as a Member of Parliament for Shah Alam which excluded proof of damages and losses specific to the respondent. The respondent relied entirely on s 5 of the Defamation Act 1957 ('the Act') to prove a cause of action for slander against the publication of those words by the appellant against the respondent. At the end of the hearing, the judicial commissioner ('JC') had made a finding that the respondent had successfully proved all three elements of the claim under the defamation action. Hence, this appeal.

Held, allowing the appeal with costs:

(1) The cause of action for slander had been sufficiently pleaded and it was an actionable per se without the need for proof of special damages. This position was in line with the provisions of s 5 of the Act. A reasonable reader would not interpret the words complained of as a reference to the respondent against the presentation of RUU 355 unless after hearing the entire presentation and/or speech of the appellant at the forum. The antidote to the words of opposition used by the appellant before expressing the words complained of were the words 'Denda RM5000 buat masa ini. Sebab Akta 355 belum dipinda. Kita tunggulah bila Akta 355 boleh dipinda'. A reasonable reader would understand that the presentation and debate of the motion had not yet taken place. No evidence had been successfully shown by the respondent that the words complained of had the connotation or meaning that the respondent had lost integrity and/or behaved corruptly and/or behaved dishonestly and/or committed misconduct in his position as a Member of Parliament

for Shah Alam. The basic elements for establishment under s 5 of the Act as pleaded failed to be proven by the respondent. The words complained of were merely an opinion of the appellant in relation to the respondent's political stance against Act 355. The JC had erred in law and fact when failed to give due consideration to the cause of the respondent's actual action, which was slander, and also relied entirely on s 5 of the Act. The JC failed to direct her mind regarding the legal test that should be used to prove s 5 of the Act. In fact, the JC did not at all touch on any establishment of elements under s 5 of the Act in her judgment (see paras 29, 39, 43, 45–46 & 49–50).

(2) There was no supporting evidence on the part of the respondent, neither the pleadings nor the respondent's witnesses, that able to point out any actions of the appellant to 'supply', 'authorise', 'entice', 'encourage' or 'incite' to the 'Ismaweb' to publish the words complained of in permanent form. Furthermore, the size of the publication was limited to individuals present at the forum only and did not involve viewers and/or listeners of social media on the 'Ismaweb' site. Applying the legal principles related to 'publication', the respondent's argument that the appellant remained liable for matters beyond his control could not be sustained (see paras 60 & 62).]

Kes-kes yang dirujuk

Bataille v Newland [2002] EWHC 1692 QB, QBD (dirujuk)
Dream Property Sdn Bhd v Atlas Housing Sdn Bhd [2015] 2 MLJ 441; [2015] 2 CLJ 453, MP (dirujuk)
Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors [2005] 2 MLJ 1; [2004] 4 CLJ 309, MP (dirujuk)
JB Jeyaretnam v Goh Chok Tong [1985] 1 MLJ 334 (dirujuk)
Keluarga Communication v Normala Samsudin [2006] 2 MLJ 700; [2006] 2 CLJ 46, MR (diikut)
Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 MLJ 97; [2003] 2 CLJ 19, MR (dirujuk)
MMC Oil & Gas Engineering Sdn Bhd v Tan Bock Kwee & Sons Sdn Bhd [2016] 2 MLJ 428; [2016] 4 CLJ 665, MR (dirujuk)
Ng Hoo Kui & Anor v Wendy Tan Lee Peng (administratrix for the estate of Tan Ewe Kwang, deceased) & Ors [2020] 12 MLJ 67; [2020] 10 CLJ 1, MP (dirujuk)
Purcell v Cruising Yacht Club of Australia Pty Ltd [2001] NSWSC 927, MA (refd)
Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd (in creditors' voluntary liquidation) v Hue Shieh Lee [2019] 3 MLJ 720; [2019] 3 CLJ 729, MP (dirujuk)
Robinson v Ward (1958) 108 LJ Ch 491 (dirujuk)
S Pakianathan v Jenni Ibrahim [1988] 2 MLJ 173; [1988] 1 CLJ 771, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Fitnah 1957 s 5

Rayuan daripada: *YB Khalid bin Abdul Samad lwn Dato' Profesor Hj Mahamad Naser Disa* [2020] 8 MLJ 212 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Hasnal Rezua Merican (Muzammil Merican bin Hasnal Rezua Merican bersamanya) (The Chambers of Kamarul Hisham & Hasnal Rezua) bagi pihak perayu.

Muhammad Faiz bin Fadzil (Mohd Faizal bin Abdullah bersamanya) (Faiz Fadzil & Co) bagi pihak responden.

Mariana Yahya HMR:

PENGENALAN

[1] Ini merupakan rayuan pihak perayu/defendan, merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 17 Julai 2019 yang telah membenarkan tuntutan ganti rugi responden/plaintif secara global sebanyak RM80,000 dengan kos sebanyak RM20,000.

[2] Setelah kami membaca hujahan bertulis, mendengar hujahan kedua-dua pihak dan meneliti rekod rayuan, kami sebulat suara telah membenarkan rayuan perayu dengan kos. Berikut adalah alasan penghakiman kami.

LATAR BELAKANG FAKTA

[3] Pada setiap masa matan, responden merupakan Ahli Parlimen Shah Alam manakala perayu pula merupakan Pengarah Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM).

[4] Pada 28 September 3017, lebih kurang jam 9.50 pagi, perayu telah menjadi panel kepada sebuah forum bertajuk 'Wacana Isu Semasa dan Perundangan Peringkat Negeri Selangor: Doktrin: Cabaran & Perlembagaan' ('forum tersebut') di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, anjuran Jabatan Agama islam Selangor (JAIS).

[5] Forum tersebut telah dihadiri oleh orang awam. Di dalam forum tersebut, perayu telah dikatakan mengucapkan perkataan-perkataan yang diadukan seperti berikut:

> Akta 355 perlu dipinda. Salah satu punca kenapa Akta 355 tidak boleh dipinda kerana orang Shah Alam hantar Ahli Parlimen yang menentang Akta 355. Saya

serah pada tuan-tuan samada nak sokong ataupun tak sokong Akta 355. Kalau tuan-tuan tak setuju dengan Akta 355, bolehlah hantar Ahli Parlimen yang sama.

yang dirujuk sebagai perkataan-perkataan tersebut.

[6] Responden memplidkan bahawa perkataan-perkataan tersebut telah diterbitkan kepada orang awam yang hadir di seminar tersebut. Selanjutnya juga, penerbitan perkataan-perkataan tersebut telah dirakamkan secara audio visual yang kemudiannya telah disunting dan dimuatnaik edisi rakaman ucapan tersebut di laman media sosial 'ismaweb' dengan alamat sesawang (*web*) tersebut adalah http://www.ismaweb.net/2107/09/video-wacana-isu-semasa-dan-perundangan-negeri-selangor-doktrin-cabaran-perlembagaan.

[7] Berikutan daripada perkataan-perkataan yang diucapkan oleh perayu di dalam forum tersebut, responden telah mengambil tindakan terhadap perayu berasaskan kausa tindakan tohmahan lisan (*slander*) yang dikatakan telah dilakukan oleh perayu. Melalui perenggan 11 pernyataan tuntutan terpinda, responden telah memplid makna-makna semula jadi perkataan-perkataan yang diadukan sebagai berikut:

(a) responden telah menentang sekeras-kerasnya pembentangan Rang Undang-Undang Akta 355 melalui Usul Persendirian YB Marang di Parlimen untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965;

(b) responden seorang pemimpin yang menentang pelaksanaan hukum syarak termasuk hukum hudud;

(c) responden telah menentang pemerkasaan Mahkamah Syariah;

(d) responden seorang pemimpin yang tidak amanah, tidak bertanggungjawab, tidak boleh dipercayai dan korup;

(e) responden seorang pemimpin yang gagal memperjuangkan syiardan kepentingan Islam dan mengikut telunjuk pemimpin politik bukan Islam;

(f) responden merupakan seorang pemimpin yang tidak menjaga sensitiviti umat Islam;

(g) responden seorang pemimpin yang mahu mencetuskan keadaan tidak harmoni di kalangan masyarakat Islam; dan

(h) responden seorang pemimpin yang tidak layak dipilih sebagai Ahli Parlimen khususnya oleh orang Islam.

[8] Responden mendakwa bahawa perkataan-perkataan yang diterbitkan merupakan tuduhan melulu yang berniat jahat lagi serius terhadap responden yang menyebabkan tohmahan, kebencian dan ketegangan oieh orang Islam terhadap responden,

[9] Responden selanjutnya memplidkan bahawa perkataan-perkataan tersebut yang bersifat *slander* adalah bersifat tohmahan perlakuan jenayah (*actionable per se*) terhadap responden selaku Ahli Parlimen Shah Alam yang mengecualikan pembuktian kerosakan dan kerugian yang khusus terhadap responden.

[10] Justeru, responden bergantung sepenuhnya kepada s 5 Akta Fitnah 1957 dalam membuktikan kausa tindakan *slander* terhadap penerbitan perkataan-perkataan tersebut oleh perayu terhadap responden.

[11] Responden menuntut relif-relif berikut terhadap perayu:

(a) ganti rugi am;

(b) ganti rugi teruk;

(c) ganti rugi teladan;

(d) perintah bahawa perayu menerbitkan permohonan maaf secara bertulis di dalam akhbar perdana dalam bentuk dan istilah yang akan ditetapkan oleh responden;

(e) satu perintah injunksi menghalang perayu sama ada secara sendiri dan/atau pengkhidmat-pengkhidmat dan/atau ejen-ejen dalam apa cara sekalipun bagi menerbitkan atau mencetak atau menyebabkan penerbitan dan/atau percetakan perkataan-perkataan tersebut dan/atau kata-kata fitnah yang memfitnah responden;

(f) kos; dan

(g) lain-lain relif yang difikirkan sesuai dan manfaat oleh mahkamah.

DI MAHKAMAH TINGGI

[12] Di akhir perbicaraan kes, YA pesuruhjaya kehakiman telah membuat dapatannya bahawa responden telah berjaya membuktikan ketiga-tiga elemen bagi tuntutan di bawah tindakan fitnah sebagaimana keperluan undang-undang. Perkataan-perkataan tersebut yang dirujuk apabila dibaca secara sendiri dan/atau bersama secara keseluruhan dalam maksud asal dan lazim (*natural and ordinary meaning*) bermaksud dan boleh difahami sebagai memfitnah responden. Akibat dari perkataan-perkataan fitnah tersebut, reputasi responden sebagai individu dan ahli politik telah menjadi rendah dan tercedera dan berhak kepada pampasan ganti rugi. YA pesuruhjaya kehakiman

pada 17 Julai 2019 telah membenarkan tuntutan responden seperti berikut:

(a) ganti rugi secara global sebanyak RM80,000;

(b) perayu diperintahkan menerbitkan permohonan maaf secara bertulis dalam akhbar perdana dalam bentuk dan istilah yang ditetapkan oleh responden dalam tempoh 14 hari;

(c) perintah injunksi menghalang perayu sama ada secara bersama atau bersendiri dan/atau pengkhidmat dan/atau ejen dan/atau dengan apa cara sekalipun dari menerbitkan dan/atau percetakan perkataan tersebut dan/atau lain-lain kata fitnah yang memfitnah responden; dan

(d) kos sebanyak RM20,000.

[13] Tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 17 Julai 2019 tersebut, perayu telah memfailkan rayuannya di mahkamah ini.

RAYUAN INI

[14] Pihak perayu di dalam memorandum rayuannya telah menyenaraikan 17 alasan-alasan rayuannya terhadap keputusan mahkamah bicara tersebut.

RAYUAN BALAS

[15] Responden juga memfailkan rayuan balasnya terhadap keputusan YA pesuruhjaya kehakiman yang hanya membenarkan ganti rugi sebanyak RM80,000 diberikan kepada responden. Responden menyatakan YA pesuruhjaya kehakiman telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memberikan ganti rugi secara keseluruhan (*global*) sedangkan tuntutan ganti rugi plaintif merangkumi ganti rugi am, ganti rugi teruk dan ganti rugi teladan yang seharusnya diberikan secara berasingan dan Bukannya secara keseluruhan (*global*).

HUJAHAN PERAYU

[16] Adalah hujahan pihak perayu bahawa YA pesuruhjaya kehakiman telah terkhilaf kerana gagal mengarahkan mindanya kepada kausa tindakan *slander* di dalam kes ini dan menjalankan perbicaraan kes sebagai suatu perbicaraan berteraskan kausa tindakan libel. Berakibat dari ketidakarahan minda tersebut, YA pesuruhjaya kehakiman telah gagal membuat pertimbangan serta dapatan yang amat relevan kepada pertikaian di antara perayu dan responden sebagaimana berikut;:

(a) setelah YA pesuruhjaya kehakiman membuat dapatannya bahawa responden telah gagal memimpin keterangan untuk membuktikan

perayu bertanggungjawab atau telah mengakibatkan penerbitan oleh pihak ketiga, namun, YA pesuruhjaya kehakiman masih gagal mengarahkan mindanya kepada kausa tindakan sebenar iaitu *slander*;

(b) YA pesuruhjaya kehakiman telah gagal mengarahkan mindanya bahawa dalam ketiadaan plid tentang kerugian dan kerosakan khusus serta ganti rugi khas, responden perlu memimpin keterangan untuk membuktikan bahawa *slander* terhadap beliau adalah bersifat perlakuan jenayah *actionable per se*;

(c) YA pesuruhjaya kehakiman telah gagal membuat inkuiri serta sebarang dapatan berkenaan dengan perkataan-perkataan yang diadukan mampu menyebabkan responden dihadapi dengan suatu pertuduhan yang mana jika didapati bersalah, boleh menyebabkan responden dikenakan hukuman berbentuk fizikal;

(d) YA pesuruhjaya kehakiman telah gagal membuat sebarang dapatan berkenaan sama ada perayu telah melakukan *slander* atas perjawatan responden selaras dengan s 5 Akta Fitnah 1957;

(e) YA pesuruhjaya kehakiman telah gagal mengarahkan mindanya kepada nas undang-undang yang memperturunkan elemen-elemen yang perlu dibuktikan bagi satu kes *slander* atas perjawatan responden selaras dengan s 5 Akta Fitnah 1957;

(f) YA pesuruhjaya kehakiman telah gagal mengarahkan mindanya kepada perjawatan responden yang relevan kepada perkataan-perkataan yang dalam perbicaraan ini iaitu perjawatan responden sebagai Ahli Parlimen Shah Alam. Dengan demikian, beliau telah gagal membuat sebarang penemuan dan dapatan bahawa perjawatan tersebut adalah 'an office of honour' dan bukan 'an office of profit';

(g) YA pesuruhjaya kehakiman telah gagal membuat sebarang dapatan sama ada perkataan-perkataan yang diadukan menjurus kepada dakwaan bahawa:

(i) responden tidak mempunyai integriti;

(ii) responden seorang yang menerima rasuah;

(iii) responden seorang yang tidak jujur;

(iv) responden seorang yang melakukan apa-apa salah laku di dalam tempoh perjawatannya; dan

(v) perkataan-perkataan perayu mampu mengakibatkan responden mendapat kesan kehilangan jawatannya sebagai Ahli Parlimen Shah Alam dan Penga rah Komunikasi Amanah Negara.

[17] Adalah hujahan pihak perayu juga bahawa perkataan-perkataan yang diadukan oleh responden tersebut tidak bersifat defamatori dan pembeiaan justifikasi oleh perayu adalah terbukti.

HUJAHAN RESPONDEN

[18] Pihak responden berhujah bahawa tiada kekhilafan undang-undang dan fakta dilakukan oleh hakim bicara yang bijaksana dalam dapatannya apabila memutuskan pihak responden telah membuktikan elemen-elemen fitnah iaitu:

(a) perkataan-perkataan yang diadukan adalah bersifat fitnah;

(b) perkataan-perkataan fitnah tersebut merujuk kepada responden; dan

(c) perkataan-perkataan fitnah tersebut telah diterbitkan kepada pihak ketiga.

[19] Responden selanjutnya berhujah bahawa pihak perayu tidak boleh bergantung kepada pembelaan justifikasi kerana secara jelas dan nyata bahawa perkataan-perkataan tersebut diterbitkan tanpa sandaran yang benar, adil, dibuat secara melulu, tidak berasas dan justeru telah menyebabkan reputasi responden sebagai individu dan ahli politik muslim tercemar di khalayak masyarakat Islam di negara ini. Responden menyatakan bahawa perayu gagal membawa sebarang keterangan atau bukti dokumentar menunjukkan responden telah menentang Rang Undang-Undang Akta 355 (RUU355).

[20] Responden juga menyatakan bahawa perkataan-perkataan tersebut bersifat mengaitkan responden dengan kesalahan jenayah yang mana isu berkaitan hal agama adalah isu sensitif dan serius yang boleh menyebabkan responden disiasat melakukan kesalahan di bawah Akta Hasutan kerana menimbulkan ketegangan agama. Responden berhujah bahawa di bawah *common law*, ganti rugi khas atau khusus tidak perlu diplidkan dan dibuktikan.

[21] Memandangkan maksud perkataan-perkataan tersebut merangkumi elemen agama yang bersifat tohmahan periakuan jenayah dan berkaitan perjawatan responden sebagai Ahli Parlimen, maka menurut s 5 Akta Fitnah 1957 (Akta 286), ganti rugi khas tidak perlu diplidkan atau dibuktikan.

[22] Adalah hujahan pihak responden juga bahawa responden berhak dibayar ganti rugi kerana responden telah mengalami kecederaan reputasi akibat daripada perkataan-perkataan tersebut. Responden menegaskan bahawa ganti rugi yang patut diberikan kepada responden adalah RM200,000 dan bukannya RM80,000 secara global.

[23] Merujuk kepada pliding responden, perkara-perkara berikut telah diplidkan:

(a) tohmahan lisan adalah bersifat tohmahan perlakuan jenayah terhadap responden seiaku Ahli Parlimen Shah Alam;

(b) responden bergantung kepada s 5 Akta Fitnah 1957; dan

(c) responden dikecualikan pembuktian kerosakan dan/atau kerugian yang khusus.

ANALISIS DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[24] Kami sedia maklum dan mengambil berat tentang peranan terhad mahkamah rayuan berhubung dengan dapatan fakta yang dibuat oleh mahkamah bicara. Di dalam kes *Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 MLJ 97; [2003] 2 CLJ 19, Mahkamah Rayuan di dalam penghakimannya menyatakan:

> ... an appellate court will not, generally speaking, intervene unless the trial court is shown to be plainly wrong in arriving at its decision. *But appellate interference will take place in cases where there has been no or insufficient judicial appreciation of the evidence.* (Penekanan tambahan.)

[25] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors* [2005] 2 MLJ 1; [2004] 4 CLJ 309 telah menjelaskan tahap dan peranan mahkamah rayuan di dalam mendengar kes-kes rayuan daripada mahkamah bicara dan memutuskan seperti berikut;

> In our view, the Court of Appeal in citing these cases had clearly borne in mind the central feature of appellate intervention ie, to determine whether or not the trial court had arrived at its decision or finding correctly on the basis of the relevant law and/or the established evidence, in so doing, the Court of Appeal was perfectly entitled to examine the process of evaluation of the evidence by the trial court. Clearly, the phrase 'insufficient judicial appreciation of evidence' merely related to such a process. This is reflected in the Court of Appeal's restatement that a judge who was required to adjudicate upon a dispute must arrive at his decision on an issue of fact by assessing, weighing and, for good reasons, either accepting or rejecting the whole or any part of the evidence placed before him. The Court of Appeal further reiterated the principle central to appellate intervention ie, that a decision arrived at by a trial court without judicial appreciation of the evidence might be set aside on appeal. This is consistent with the established plainly wrong test.

[26] Mahkamah Persekutuan di dalam penghakiman terkininya di dalam kes *Ng Hoo Kui & Anor v Wendy Tan Lee Peng (administratrix for the estate of Tan Ewe Kwang, deceased) & Ors* [2020] 12 MLJ 67; [2020] 10 CLJ 1, Zabariah Mohd Yusof HMP di dalam menyampaikan penghakiman kes menyatakan

seperti berikut;

(1) *An appellate court should not interfere with the trial judge's conclusions on primary facts unless satisfied that he was plainly wrong. The 'plainly wrong' test operates on the principle that the trial court has had the advantage of seeing and hearing the witnesses on their evidence as opposed to the appellate court that acts on the printed records.* In the UK, the test adopted by the appellate courts is not whether the higher courts feel that it would have reached a different conclusion on the same fact as the trial court, but *whether or not the decision by the lower court on findings of fact was reasonable. If the trial judge's decision can be reasonably explained and justified, then the appellate courts should refrain from intervention.* (paras 33, 34 & 60)

(2) *The court in Henderson separated the four non-exhaustive identifiable errors of a trial judge from the plainly wrong test: (i) a material error of law; (ii) a critical finding of fact which has no basis in the evidence; (iii) demonstrable misunderstanding of relevant evidence; and (iv) a demonstrable failure to consider relevant evidence. The phrase lack of judicial appreciation of evidence' used in Gan Yook Chin & Anor v Lee Ing Chin & Ors could very well encompass three out of four errors of a trial judge identifiable in Henderson. Whilst there was a slight difference in the approach of the appellate intervention, both the UK Supreme Court and the Federal Court effectively shared a common thread where it had been held that appellate intervention was justified where there is lack of judicial appreciation of evidence. What is pertinent is that the 'plainly wrong' test is not intended to be used by an appellate court as a means to substitute its own decision for that of the trial court on the facts.* (paras 54, 72, 74 & 76)

(3) *An appellate court should not interfere with the factual findings of a trial judge unless it was satisfied that the decision of the trial judge was 'plainly wrong' where in arriving at the decision it could not reasonably be explained or justified and so was one which no reasonable judge could have reached ...*

(4) ...

(9) ...

(10) *Henderson* was not setting any guidelines to the plainly wrong test. It merely provided a construction as to what amounts to the 'plainly wrong' test in an appellate intervention. Rather than adopting a rigid set of rules to demarcate the boundaries of appellate intervention insofar as findings of fact are concerned, the 'plainly wrong' test should be retained as a flexible guide for appellate courts ... (Penekanan ditambah.)

[27] Mengambil kira pendekatan dan prinsip undang-undang yang diputuskan di dalam kes-kes yang dinyatakan di atas, secara ringkasnya kami merumuskan bahawa Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ng Hoo Kui & Anor* telah menetapkan bahawa mahkamah rayuan tidak sepatutnya campurtangan dengan dapatan fakta hakim bicara *KECUALI berpuas hati bahawa keputusan hakim bicara 'jelas khilaf ('plainly wrong') iaitu apabila membuat keputusan, yang mana tidak boleh dijefaskan atau dijustifikasi dengan munasabah dan oleh itu, safu yang tidak akan dibuat oleh seseorang hakim yang munasabah* (rujuk juga kepada kes *Dream Property Sdn Bhd v Atlas Housing Sdn Bhd* [2015] 2 MLJ 441; [2015] 2 CLJ 453 (MP) dan *MMC Oil & Gas*

Engineering Sdn Bhd v Tan Bock Kwee & Sons Sdn Bhd [2016] 2 MLJ 428; [2016] 4 CLJ 665 (MR)). A

[28] Berikut, kami selanjutnya menganalisa alasan-alasan rayuan perayu bagi memastikan sama ada mahkamah bicara telah nyata khilaf di dalam keputusannya yang memerlukan campur tangan mahkamah ini. B

Sama ada perkataan-perkataan diadukan bersifat atau berunsur defamatori

[29] Asas kausa tindakan responden adalah di bawah s 5 Akta Fitnah 1957 terutamanya merendah-rendahkan, memperlekeh dan memperkecilkan jawatan responden sebagai Ahli Parlimen Shah Alam pada masa matan. Melihat kepada keseluruhan pliding responden, kami mendapati kausa tindakan untuk tohmahan lisan telah diplidkan dengan secukupnya oleh pihak responden dan ia merupakan suatu 'actional per se' tanpa perlu pembuktian ganti rugi khas. Kedudukan ini adalah selaras dengan peruntukan s 5 Akta Fitnah 1957. C D

[30] Seksyen 5 Akta Fitnah 1957 memperuntukkan seperti berikut; E

> 5 Slander affecting official, professional, or business reputation
>
> In an action for slander in respect of words calculated to disparage the plaintiff in any office, profession, calling, trade or business held or carried on by him at the time of the publication, it shall not be necessary to allege or prove special damage whether or not the words are spoken of the plaintiff in the way of his office, profession, calling, trade or business. F

[31] Bagi maksud elemen pembuktian yang terpakai bagi tohmahan lisan/*slander* atas perjawatan, kami berpendapat adalah bertepatan untuk merujuk kepada kes *JB Jeyaretnam v Goh Chok Tong* [1985] 1 MLJ 334 telah memutuskan seperti berikut: G

> Section 5 of our Defamation Act is in *pari materia* with se 2 of the Defamation Act 1952 of England. At common law prior to the passing of the Act of 1952 in order to maintain an action for slander by words spoken of a person concerning his office, where such office was one of honour and not of profit and where no special damage was proved, two requirements must be fulfilled: H
>
> (a) the words must impute to that person want of integrity or corrupt or dishonest conduct or other misconduct in the discharge of his office, and
>
> (b) they must be said in the way of that office. I
>
> Since the passing of the Act it is no longer necessary to satisfy the second requirement but the first requirement remains. In other words, *in order to be actionable per se without proof of special damage, the slanderous words which are said to be calculated to disparage a person in his office, where such office is one of honour, must impute some want of integrity or corrupt or dishonest conduct or other misconduct in the*

discharge of that office. (Penekanan ditambah.)

[32] Di dalam kes *JB Jeyaratnam*, Hakim Thean di dalam penghakimannya juga telah merujuk kepada prinsip undang-undang yang terpakai di dalam kes-kes *slander* sebagaimana yang diputuskan oleh Hakim Diplock (pada ketika itu) di dalam kes *Robinson v Ward* (1958) 108 LJ Ch 491 yang menyebut seperti berikut:

> In the case of *Robinson v Ward* (1958) 108 LJ 491 in an action for slander, where the plaintiff had alleged that the defendant used words which meant and were understood to mean that the plaintiff was not a fit and proper person to be a perceptor of a masonic lodge, Diplock J (as he then was) held that in an action for slander for words alleged to have been spoken of a plaintiff touching his office, where such office was one of honour and not of profit and no special damage was proved, it was necessary in order to show that the words were calculated to disparage the plaintiff in his office within section 2 of the Defamation Act, 1952 to establish, in accordance with decisions prior to that Act, that the words imputed to the plaintiff some want of integrity or corrupt or dishonest conduct in the discharge of his office. That decision has stood the test of time for more than 25 years and has been quoted with acceptance by learned text book writers to be correct: see Vol 28, *Halsbury's* Laws of England (4th edn.) para. 55 and *Gatley* on Libel and Slander (8th edn.) para. 174. I respectfully agree with the view of the law as laid down in *Robinson v Ward.* In my judgment the words though defamatory of the Plaintiff were not calculated to disparage him in his office as the secretary-general of the WP. They did not impute any want of integrity or corrupt or dishonest conduct or any other misconduct in the discharge of that office. On this issue the Plaintiff fails. My decision on the second issue is sufficient to dispose of this action.

[33] Melalui huraian penghakiman di dalam nas undang-undang yang diputuskan sebelum ini, kami berpendapat bahawa bagi membolehkan responden bergantung kepada s 5 Akta Fitnah 1957, responden perlu menunjukkan bahawa:

(a) tohmahan itu mestilah berhubung perjawatan dan/atau profesion dan/atau gelaran yang beliau pegang pada masa tersebut;

(b) tohmahan tersebut mestilah menjurus ke arah responden yang tidak mempunyai integriti dan/atau seseorang yang menerima rasuah dan/atau seseorang yang tidak jujur dan/atau seseorang yang melakukan apa-apa salah laku di dalam tempoh perjawatannya;

(c) ujian yang diguna pakai untuk menentukan sama ada tohmahan tersebut mensasarkan kepada ketiadaan integriti, menerima rasuah, tidak jujur atau melakukan apa-apa salah laku ialah sekiranya tohmahan itu adalah benar, responden menjadi tidak layak dan akan kehilangan jawatan yang disandangnya; dan

(d) sekiranya kerugian atau kerosakan khusus dan ganti rugi khas tidak diplid di daiam bergantung kepada s 5, seandainya responden gagal membuktikan elemen-elemen *slander*, kes boleh diputuskan pada tahap tersebut tanpa sebarang penentuan sama ada perkataan yang diadukan adalah defamaton atau merujuk pembelaan perayu.

[34] Melalui keterangan perbicaraan di Mahkamah Tinggi, adalah fakta yang tidak disangkal bahawa responden pada setiap masa matan hanya memplidkan dua perjawatannya iaitu Ahli Parlimen bagi Kawasan Parlimen Shah Alam dan Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara. Dalam keadaan demikian, responden perlu menunjukkan bahawa perayu telah mengeluarkan perkataan-perkataan fitnah yang menyatakan bahawa dalam menjalankan tugas sebagai Ahli Parlimen Shah Alam dan/atau Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara, responden tidak mempunyai integriti, dan/atau telah menerima rasuah dan/atau merupakan seorang yang tidak jujur dan/atau merupakan seorang yang telah melakukan salah laku. Berakibat darinya, responden tidak layak memegang perjawatan tersebut.

[35] YA pesuruhjaya kehakiman telah memutuskan bahawa perkataan-perkataan yang diucapkan oleh perayu bersifat defamatori. Ungkapan perkataan-perkataan yang dirujuk sebagai defamatori oleh YA pesuruhjaya kehakiman iaitu seperti berikut:

(a) salah satu punca kenapa Akta 355 tidak boleh dipinda kerana orang Shah Alam hantar Ahli Parlimen yang menentang Akta 355; dan

(b) kalau tuan-tuan tak setuju dengan Akta 355 bolehlah hantar Ahli Parlimen yang sama.

[36] YA pesuruhjaya kehakiman memutuskan bahawa pengucapan perkataan-perkataan tersebut dalam makna lazim dan semula jadinya adalah responden telah menentang sekeras-kerasnya pembentangan Akta 355 melalui Usul Persendirian YB Marang di Parlimen untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

[37] Jika dirujuk kepada perkataan-perkataan yang diadukan, kami mendapati tiada frasa 'sekeras-kerasnya' diungkapkan oleh perayu. YA pesuruhjaya kehakiman telah tersasar dalam takrifan makna lazim ke atas perkataan-perkataan sebenar yang diadukan.

[38] Ujian yang harus dipakai dalam mempertimbang sama ada sesuatu kenyataan itu telah memfitnah adalah satu ujian objektif. Ertinya, ia harus diberikan maksud yang difahami oleh seorang yang munasabah, dan untuk tujuan itu, iaitu bagi menentukan sama ada perkataan yang dibantahi

mengandung unsur-unsur fitnah, adalah perlu untuk mempertimbang keseluruhan artikel yang menjadi pertikaian. Prinsip undang-undang ini diperjelaskan di dalam keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Keluarga Communication v Normala Samsudin* [2006] 2 MLJ 700; [2006] 2 CLJ 46 yang menyatakan seperti berikut:

> [16] At the outset we would state that the test to be applied when considering whether a statement is defamatory of a plaintiff is well settled in that it is an objective one in which it must be given a meaning a reasonable man would understand it and for that purpose, that is, in considering whether the words complained of contained any defamatory imputation, it is necessary to consider the whole article. *Gatley on Libel & Slander* (10th Ed) on this point at pp 108 and 110 inter alia states as follows:
>
> > It is necessary to take into consideration, not only the actual words used, but the context of the words. It follows from the fact that the context and circumstances of the publication must be taken into account, that the plaintiff cannot pick and choose parts of the publication which, standing alone, would be defamatory. This or that sentence may be considered defamatory, but there may be other passages which take away the sting.
>
> [17] Still on the same point in the case of *Charleston v News Group Newspapers Ltd.* [1995] 2 AC 65, Lord Bridge of Harwich in delivering the speech of the House of Lords at p 70 had quoted this passage as follows:
>
> > ... the question here is, whether the matter be slanderous or not, which is a question for the jury; who are to take the whole together, and say whether the result of the whole is calculated to injure the plaintiffs character. In one part of this publication, something disreputable to the plaintiff is stated, but that is removed by the conclusion; the bane and the antidote must be taken together.

[39] Mengaplikasikan prinsip daripada kes *Keluarga Communication* di atas, kami berpendapat seorang pembaca yang munasabah tidak akan mentakrifkan perkataan-perkataan yang diadukan sebagai rujukan kepada responden menentang pembentangan RUU 355 melainkan setelah mendengar keseluruhan pembentangan dan/atau pengucapan perayu pada forum bertarikh 28 September 2017 tersebut.

[40] Adalah suatu keterangan di pihak perayu bahawa sejurus sebelum perayu mengungkapkan perkataan-perkataan yang diadukan, perayu terlebih dahulu telah menyebut perkataan-perkataan berikut;

> *'Denda RM5000 buat masa ini. Sebab Akta 355 belum dipinda. Kita tunggulah biia Akta 355 boleh dipinda'* (diminit 56.48 sehingga 57.00 rakaman CD dan juga pada pautan https://www.ismaweb.net/2017/09/29/video-wacana-isu-semasa-dan perundangan-peringkat-negeri-selangor-doktrin-cabaran-perlembagan/).

Ini bermakna tiada ketentuan bilakah Akta 355 tersebut akan dipinda.

[41] Rakaman CD dan pautan yang sama juga menunjukkan ungkapan perkataan-perkataan daripada perayu yang menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh peserta-perserta forum iaitu; A

(a) 'Saya menyaksikan, saya saksikan di dewan Parlimen, semua orang tengok di dewan Parlimen apa yang berlaku, menyala-nyala marah pada Haji Hadi yang membentang Akta 355'; dan B

(b) 'Tapi semua orang tengok dan saya sendiri pun tengok, tuan-tuan pun boleh tengok. Siapa yang dok bangkit berkaii-kali ... saya dekat Indonesia pun saya tengok live kawan tu dok bangkit dok bantah supaya menghalang Haji Hadi daripada membentang Akta 355'. C

[42] Menurut petikan dan konteks yang diberikan oleh perayu seperti di atas, seorang pendengar yang munasabah akan memahami bahawa apabila perayu mengatakan Ahli Parlimen Shah Alam menentang Akta 355 ia menggambarkan bahawa; D

(a) perayu tidak memaksudkan responden menentang substans Akta 355 melalui apa-apa pengundian tidak menyokong pindaan Akta 355 atau menentang pemerkasaan Mahkamah Syariah; E

(b) perkataan *'Denda RM5,000 buat masa ins. Sebab Akta 355 belum dipinda. Kita tunggulah bila Akta 355 boleh dipinda'* jelas menunjukkan pindaan Akta 355 belum dibentangkan lagi di Parlimen dan proses pengundian menyokong atau menolak Rang Undang-Undang tersebut belum lagi berlaku; dan F

(c) perkataan 'menentang' dalam konteks pembentangan perayu adalah merujuk kepada kekerapan responden bangun mempertikaikan RUU 355 ketika ianya dibangkitkan di Parlimen. Ini disokong dengan Minit Persidangan Dewan Rakyat (Hansard) di dalam ikatan D1(A) dan D1(B) bertarikh 25 Jun 2016 dan 23 Mac 2017 menunjukkan responden telah bangun sebanyak lapan kali semata-mata untuk bercakap tentang aspek-aspek RUU 355 yang responden tentang. G

[43] Dalam perihal demikian, kami bersetuju dengan hujahan peguam perayu bahawa antidot kepada perkataan menentang yang diguna pakai oleh perayu sebelum mengungkapkan kata-kata yang diadukan ialah kata-kata 'Denda RM5,000 buat masa ini. Sebab Akta 355 belum dipinda. Kita tunggulah bila Akta 355 boleh dipinda'. Ini bermakna seorang pembaca munasabah akan memahami bahawa pembentangan dan perbahasan usui tersebut belum berlangsung. H I

[44] Pihak responden menyangkal kebenaran akan kata-kata perayu berhubung dengan perkataan 'menentang'. Jika sekalipun perkataan perkataan

yang diadukan adalah tidak benar, kata-kata tersebut tidak berupaya membawa imputasi kepada memperkecilkan atau merendahkan jawatan responden. Perkataan-perkataan *slander* yang diadukan hendaklah memberi kesan kepada jawatan yang dipegang oleh responden iaitu tidak mempunyai integriti, dan/atau telah menerima rasuah dan/atau merupakan seorang yang tidak jujur dan/atau merupakan seorang yang telah melakukan salah laku.

[45] Jika diperhalusi segala keterangan yang dibentangkan di hadapan YA pesuruhjaya kehakiman, kami mendapati tiada suatu keterangan pun berjaya ditunjukkan oleh pihak responden bahawa perkataan-perkataan yang diadukan mempunyai konotasi atau membawa makna bahawa responden telah hilang integriti, dan/atau berlaku korup dan/atau berlaku tidak jujur dan/atau melakukan salah laku di dalam perjawatannya sebagai Ahli Parlimen Shah Alam. Pada pendapat kami, elemen asas bagi pembuktian di bawah s 5 Akta Fitnah 1957 sebagaimana yang dipiidkan oleh responden gagal dibuktikan oleh responden.

[46] Dengan hormatnya kami berpendapat perkataan-perkataan yang diadukan hanyalah berupa suatu pendapat perayu berhubung dengan pendirian politik responden terhadap Akta 355. la tidak terjumlah kepada defamatori. Kami bersetuju dengan hujahan pihak perayu bahawa adalah diketahui dan difahami umum tugas hakiki seorang Ahli Parlimen adalah menggubal undang-undang. Adalah juga difahami dan diketahui masyarakat umum bahawa sebelum sesuatu rang undang-undang menjadi undang-undang ia mestilah diluluskan di Dewan Rakyat. Ia juga berupa suatu proses yang difahami dan diketahui oleh masyarakat umumnya bahawa melalui amalan demokrasi berparlimen, proses meluluskan sesuatu rang undang-undang melibatkan proses pengundian di kalangan Ahli-Ahli Dewan.

[47] Seseorang Ahli Parlimen di atas pertimbangannya sendiri, sama ada selaras dengan pendirian kepartiannya ataupun tidak, mempunyai undi di Parlimen dan bebas mengundi untuk menyokong atau menentang sesuatu rang undang-undang itu. Perbuatan seorang Ahli Parlimen sama ada menyokong atau menentang sesuatu rang undang-undang tidak akan dilihat jelek atau mengubah pandangan masyarakat dengan pandangan yang lebih rendah terhadap responden.

[48] Dalam kes responden ini, jika sekalipun responden menentang rang undang-undang untuk meminda Akta 355, responden tidak akan kehilangan perjawatannya sebagai Ahli Parlimen Shah Alam dan juga tidak membawa sebarang imputasi ke atas Parti Amanah. Malah, meskipun wujudnya perkataan-perkataan yang diadukan, responden telah kemudiannya dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan.

[49] Adalah pendapat kami juga bahawa YA pesuruhjaya kehakiman telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal memberi pertimbangan wajar ke atas kausa tindakan sebenar responden iaitu *slander* dan juga bergantung sepenuhnya kepada s 5 Akta Fitnah 1957. Perenggan 15 pernyataan tuntutan terpinda responden dengan nyata meletakkan asas pembuktian kesnya adalah berdasarkan s 5 Akta Fitnah 1957. Kami merujuk kepada perenggan 15 berkaitan yang memplidkan (dalam bahasa asal) seperti berikut;

> 15. Justeru, Plaintif akan bergantung kepada seksyen 5 Akta Fitnah 1957 dalam membuktikan kausa tindakan tohmahan lisan penerbitan perkataan-perkataan tersebut oleh Defendan terhadap Plaintif.

[50] Merujuk kembali kepada penghakiman YA pesuruhjaya kehakiman, kami mendapati YA pesuruhjaya kehakiman gagal mengarah mindanya berkenaan ujian undang-undang yang harus dipakai bagi pembuktian s 5 Akta Fitnah 1957. Malah kami mendapati YA pesuruhjaya kehakiman tidak langsung menyentuh mana-mana pembuktian inti pati di bawah s 5 Akta Fitnah 1957 di dalam penghakimannya.

[51] Melalui pengamatan kami ke atas alasan penghakiman YA pesuruhjaya kehakiman, keseluruhan dapatan yang dibuat oleh beliau bertumpu kepada tindakan fitnah libel dan tidak *slander*. Dalam hal demikian, adalah jelas YA pesuruhjaya kehakiman telah nyata khilaf dan gagal mengaplikasi prinsip undang-undang berhubung tort fitnah libel ke dalam bentuk *slander* khususnya s 5 Akta Fitnah 1957.

Penerbitan di laman media sosial 'ismaweb'

[52] Responden memplidkan bahawa perkataan-perkataan yang diucapkan bukan sahaja kepada orang awam yang hadir di seminar tersebut, malah telah dirakamkan secara 'audio visual' yang kemudiannya telah disunting dan dimuatnaik edisi rakaman ucapan tersebut ke laman media sosial 'ismaweb'.

[53] Responden menegaskan laman sesawang (*web*) tersebut adalah terbuka dan boleh diakses oleh orang ramai dan pengguna 'world wide web' pada semua masa matan yang menjadi bahan tontonan dan dengaran kepada satu jumlah besar pengguna laman sesawang tersebut yang mana jumlahnya tidak dapat ditentukan. Responden memplidkan bahawa perayu telah menyebabkan penerbitan perkataan-perkataan tersebut di laman sesawang berkenaan kepada masyarakat umum pada 28 September 2017 dan hari-hari berikutnya sehingga ke hari ini.

[54] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd (in creditors' voluntary liquidation) v Hue Shieh Lee* [2019] 3 MLJ

720; [2019] 3 CLJ 729 telah menjelaskan perbezaan kes tohmahan lisan dan libel dalam konteks penerbitan dan Ramly Ali HMP, di dalam penghakimannya di perenggan 29 menyatakan seperti berikut;

> [29] Defamation is committed when the defendant publishes to a third person words or matters containing untrue imputation against the reputation of the plaintiff. Liability for defamation is divided into two categories, that of libel and slander. If the publication is made in a permanent form or is broadcast or is part of a theatrical performance, it is libel. If it is in some transient form or is conveyed by spoken words or gestures, it is slander (see: *Gatley on Libel and Slander* (9th Ed) at p 6).

[55] Seterusnya undang-undang berkenaan cara-cara 'penerbitan' boleh berlaku di dalam sesuatu kes fitnah diperjelaskan di dalam kes *S Pakianathan v Jenni Ibrahim* [1988] 2 MLJ 173; [1988] 1 CLJ 771 (MA), menyatakan seperti berikut;

> In order to constitute publication, the defamatory matter must be published to a third party, and not simply to the plaintiff. By publication is meant the making known of the defamatory matter, after it has been written, to some person other than the person of whom it is written. The uttering of a libel to the party libelled is no publication for the purposes of a civil action: *Wennhak v Morgan* (1888) 20 QBD 635 .

[56] Kes *Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd* juga telah membuat penjelasan yang sama mengenai cara-cara 'penerbitan' berlaku iaitu:

> [36] The final element that the plaintiff must prove is that the words of which he complains have been published to any third party by the defendant. As stated by Lord Esher MR in the case of *Hebditch . Macilwaine* [1894] 2 QB 54 (at p 58):

[57] Selanjutnya, *Gatley on Libel and Slander* (11th Ed) di perenggan 6.4 menyatakan bahawa untuk menunjukkan sesuatu penerbitan telah berlaku, adalah perlu untuk seseorang plaintif menunjukkan bahawa:

(a) defendan mempunyai niat untuk menerbitkan kata-kata yang diadukan; dan

(b) setelah menyatakan perkataan-perkataan yang diadukan, defendan tidak mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menghalang daripada kata-kata tersebut diterbitkan:

> The person who first spoke or composed the defamatory matter (the originator) is of course liable, provided he intended to publish it or failed to take reasonable care to preent its publication.

[58] Kes *Bataille v Newland* [2002] EWHC 1692 QB menyokong pernyataan Gatley mengenai tanggungjawab undang-undang dalam suatu

penerbitan. Hakim Eady di dalam penghakimannya menyatakan: A

> There are various acts that can give rise to legal responsibility, for example, encouraging the primary author, supplying him with information intending or authorising him to publish it.

B

[59] Kes *Purcell v Cruising Yacht Club of Australia Pty Ltd* [2001] NSWSC 927 juga telah mengambil pendekatan undang-undang yang sama yang menyatakan seperti berikut;

> One can be held liable for a libel published by another only because he has authorised him to make the publication. C
>
> ...
>
> If he authorized, incited or encouraged any other person to do it or if having authority to forbid it he permitted it, or having authority to remove them he allowed them to remain the act was his.

D

[60] Mengamati prinsip undang-undang mengenai 'penerbitan' yang diputuskan di dalam rujukan kes-kes di atas, untuk seseorang menjadi bertanggungjawab ke atas suatu penerbitan yang dibuat oleh pihak ketiga, perkara-perkara berikut perlu dibuktikan terlebih dahulu oleh responden: E

(a) perayu telah menyebabkan penerbitan perkataan-perkataan yang diadukan dengan bertindak untuk 'supply', 'authorize', 'entice', 'encourage' atau 'incite' pihak ketiga untuk menerbitkan kata-kata yang telah diucap di dalam bentuk 'temporary' dan transient; dan

F

(b) penerbitan tersebut, setelah diterbitkan di dalam bentuk yang kekal, diterbitkan kepada pihak ketiga.

[61] Kembali semula kepada kes ini, kami mendapati tiada apa-apa keterangan menyokong di pihak responden sama ada plidingnya mahupun saksi-saksi responden, berupaya mengetengahkan sebarang tindakan perayu untuk 'supply', 'authorise', 'entice', 'encourage' atau 'incite' kepada pihak ismaweb untuk menerbitkan kata-kata yang diadukan di dalam bentuk kekal. G

[62] Malah YA pesuruhjaya kehakiman di dalam alasan penghakimannya di perenggan 17 juga membuat keputusan dengan mendapati penerbitan perkataan-perkataan yang diadukan adalah tidak termasuk kepada penonton dan/atau pendengar medial sosial di laman 'ismaweb' kerana tiada bukti bahawa penerbitan perkataan-perkataan yang diadukan itu dimuatnaik di laman sesawang tersebut adalah dikawal dan/atau ditadbir oleh perayu sendiri. H I

[63] Responden di dalam hujahannya tidak mempertikaikan bahawa penerbitan di laman 'ismaweb' adalah diluar kawalan perayu. Namun, responden masih bertegas bahawa perayu tetap dipertanggungjawabkan ke atas

penyebaran perkataan-perkataan yang diadukan kerana penerbitan ucapan kata-kata tersebut adalah berpunca daripada perayu. Kami tidak bersetuju dengan hujahan responden ini kerana saiz penerbitan adalah terhad kepada individu-individu yang hadir di forum tersebut sahaja dan tidak melibatkan kepada penonton dan/atau pendengar medial sosial di laman 'ismaweb'. Menerima pakai prinsip undang-undang berkaitan 'penerbitan' yang diputuskan oleh mahkamah-mahkamah sebelum ini, kami berpendapat hujahan responden bahawa perayu tetap dipertanggungjawabkan atas perkara diluar kawalannya tidak dapat dipertahankan.

KESIMPULAN

[64] Berdasarkan dapatan kami di atas, kami sebuiat suara berpuas hati bahawa YA pesuruhjaya kehakiman telah jelas dan nyata khilaf di dalam keputusannya membenarkan tuntutan responden. YA pesuruhjaya kehakiman gagai menimbang keseluruhan perkataan-perkataan yang diadukan bersama-sama keterangan yang ada, sama ada pengucapan tersebut didengar secara seluruhnya ataupun hanya terhad kepada perkataan-perkataan yang diadukan sahaja, kami berpendapat perkataan-perkataan yang diadukan tersebut tidak berupaya membawa makna lazim dan semulajadi yang bersifat defamatori.

[65] Perkataan-perkataan yang diadukan juga tidak berupaya membawa imputasi bersifat 'dishonourable or discreditable conduct or motives or lack of intergrity' ke atas responden. Justeru, semestinya perkataan-perkataan tersebut tidak defamatori terhadap responden.

[66] YA pesuruhjaya kehakiman telah nyata khilaf di sisi undang-undang dan fakta di dalam mencapai keputusannya yang membenarkan tuntutan responden di bawah libei dan gagal mengarahkan mindanya bahawa tuntutan responden adalah bergantung di bawah s 5 Akta Fitnah 1957 yang gagal dibuktikan.

[67] Kami mendapati terdapatnya merit di dalam rayuan perayu ini yang membolehkan campurtangan oleh mahkamah ini. Kami membenarkan rayuan perayu dengan kos dan mengetepikan perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 17 Julai 2019. Kami membenarkan kos rayuan ini dan di Mahkamah Tinggi sebanyak RM40,000 di bayar kepada perayu tertakluk kepada alokatur.

Rayuan dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh